

## GHAZAL DI JOHOR

### SEJARAH

Ghazal paling terkenal di selatan Semenanjung Malaysia, khususnya di Johor. Walau bagaimanapun keujudannya di Negeri-Negeri lain di Utara Semenanjung tidak pula dinafikan. Perak, Kedah dan Pulau Pinang umpamanya mempunyai kumpulan Ghazal.

Pada peringkat permulaannya seni ini dinamakan 'gamat'. Perkataan 'gamat' bermaksud nyanyi. Bergamat maknanya bernyanyi. Disamping itu gamat juga bermaksud riuh-rendah. Dalam konteks ini 'riuh-rendah' lantaran bersuka-ria sambil bernyanyi-nyanyi'. Bukan riuh-rendah yang tidak bermakna.

Ketibaan ghazal di Semenanjung Malaysia seringkali dikaitkan dengan kedatangan Wayang bangsawan. Namun tidak dapat dipastikan dengan tepat tentang pentarikhkan sebenar ketibaan Ghazal ke Semenanjung. Mungkin lantaran lagu-lagu Ghazal adalah merupakan "extra-turn" dalam persembahan Bangsawan ketika itu, maka ianya dikaitkan dengan Wayang tersebut. Satu yang pasti bahawa ghazal telah lama wujud di Selatan Semenanjung sebelum rombongan Wayang parsi sampai ke Pulau Pinang dalam tahun 1870an. (Rahmah Bujang, Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura halaman 18).

Ghazal mendapat tempat dan berkembang di istana Raja-Raja Riau-Lingga. Ianya menjadi persembahan utama dalam majlis-majlis keraian di Raja atau mana-mana Pesta negara. Para Penyanyinya sering dianugerahkan dengan 'upah yang tinggi. Hubungan yang erat di antara Kerajaan Johor dan Riau-Lingga menjadikan Raja-Raja dan golongan Bangsawan Johor acapkali berulang-alik ke Riau. Mereka sedikit sebanyak mempelajari seni ghazal ini dan membawa pulang ke istana Sultan Johor yang pada ketika itu berada di Teluk Belanga.

Sultan, Pembesar-pembesar dan lain-lain golongan istana ramai yang menyenangi seni ini. Lantaran itu perkembangannya ke peringkat rakyat jelata adalah cepat dan pesat. Apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berpindah dari Telok Belanga ke Tanjung Puteri, seni ghazal turut diperkembangkan lagi.

Allayarham Datok Bentara luar, Mohd.Salleh bin perang yang telah diperintahkan oleh Sultan Johor membuka daerah-daerah di Johor menjalankan titah Sultan sambil mengembangkan ghazal. Kemana sahaja beliau pergi ghazal pasti dihidupkan. Di Endau, Mersing, Batu Pahat, Muar dan lain-lain daerah lagi. Seni ini dimainkan di rumah-rumah Penghuku dan juga di hari-hari keramaian tertentu.

Selain dari Allayarham Datuk Bentara Luar ramai lagi Pembesar-pembesar istana yang turut sama menyumbangkan tenaga dalam memperkembangkan seni ini. Di antaranya ialah Allayarham Engku Cik Ahmad, Engku Sulaiman, Engku Ahmad, Engku Abd. Aziz Bin Abd.majid, Encik Dapat dan lain-lain lagi.

Anak-anak Johor giat mempelajari seni ghazal daripada Tokoh-tokoh yang tersebut sehingga mahir. Pada tahun 1900 seorang ustaz (guru) ghazal daripada Hindustan yang bernama Alpa telah datang ke Johor dan memberikan tunjuk ajar yang lebih mendalam mengenai muzik ghazal. Kedatangan Alpa telah memberikan semangat dan dorongan baru kepada anak-anak Johor untuk mempelajari, mendalam dan memperkembangkan seni ini. Akhirnya sedikit demi sedikit ghazal berkembang ke seluruh pelusuk Negeri Johor.

Di tengah-tengah arus perkembangan muzik ghazal ini muncullah Allayarham Colonel Tuan Haji Musa Bin Haji Yusoff, juga dikenali sebagai Pak Lomak, seorang Tokoh Ghazal yang diberikan jolokan 'Bapa Ghazal Melayu Johor'. Sebagai seorang anak yang dilahirkan di

tengah-tengah keluarga yang meminati dan mencintai ghazal, Pak Lomak tidak dapat memisahkan dirinya daripada seni ini. (Beliau ialah cucu kepada Allayarham Datuk Mohd.Salleh Bin Perang, Datuk Bentara Luar, yang membuka Daerah Batu Pahat dan Muar).

Beliau telah mempelajarinya dengan mendalam dan mahir bermain alat-alat muzik ghazal semasa beliau berkursus tentera di India dengan seorang guru bermain harmonium dan Dol (Tabla). Apabila beliau balik ke Johor, beliau dan sahabat-sahabatnya di dalam Pasukan Askar Melayu Johor (JMF), telah menubuhkan Kumpulan dengan mencampurkan alat-alat muzik Harmonium dan Dol (Tabla) dari India, Gitar dan biola dari Barat dan Gambus dari Arab. Banyak perubahan yang telah beliau lakukan terhadap perkembangan seni muzik ghazal ini. Beliau juga telah berusaha menubuhkan kumpulan-kumpulan ghazal yang mempunyai ahli-ahli yang tetap disamping mencipta lagu-lagu ghazal.

## **ORGANISASI KUMPULAN GHAZAL JOHOR**

Pada kebiasaannya Kumpulan Ghazal Johor mempunyai keahlian secara sukarela dan berkumpulan. Terdiri daripada orang-orang lelaki dan seorang wanita yang bertindak sebagai Penyanyi. Bilangan keahliannya antara 7-9 orang.

Bertambahnya alat-alat muzik menambahkan lagi bilangan keanggotaannya. Keahliannya terdiri daripada seorang Ketua yang bertindak sebagai Pengurus dan mengepalai Kumpulan.

Seorang Pemimpin yang bertanggung jawab bagi melaksana dan mengaturkan jadual dan giliran latihan serta keharmonian cara permainan dan persembahan. Tambahan lima orang Pemain dan seorang Penyanyi Lelaki dan seorang Penyanyi Wanita. (Ketua dan Pemimpin adalah juga tergulung sebagai golongan Pemain dan kadangkala Ketua atau Pemimpin juga bertindak sebagai Penyanyi lelaki).

Ketua - Seorang

Pemimpin - Seorang

Pemuzik - 5 - 7 Orang (Bilangan alat muzik)

Penyanyi - Seorang Lelaki Dan Seorang Wanita

## **PAKAIAN KUMPULAN GHAZAL JOHOR**

Ghazal tidak memerlukan sebarang pakaian khusus untuk ahliahlinya. Didalam sesuatu persembahan biasanya ahli-ahlinya memakai Pakaian Baju Melayu lengkap bersampin dan bersongkok. Sementara Penyanyi Wanitanya memakai Baju Kurung.

## **ALAT-ALAT MUZIK GHAZAL JOHOR**

1. Peti Harmonium
2. Tabla - 2 buah
3. Gambus
4. Violin
5. Gitar
6. Marakas
7. Tamborin

Peti Harmonium adalah penghulu alat muzik dalam permainan ghazal. Dalam bentuknya yang asli ghazal memulakan setiap persembahan dengan membunyikan harmoium terlebih dahulu

diikuti dengan tabla, violin, gambus dan alatan lain. Harmoniumlah yang menentukan 'masa' (timing) bagi seseorang penyanyi memulakan nyanyiannya.

Alat kedua pentingnya ialah Tabla, ia terdiri daripada dua buah Gendang. Satu Besar dan satu kecil dan tinggi. Kedua-duanya mempunyai 'masalla' yang membuatnya lebih bergema. Tabla digunakan untuk meningkah dan mengimbangi muzik agar menjadi lebih rancak dan enak didengar.

Gambus dan violin adalah alat-alat yang mencoraki latar belakang lagu-lagu ghazal. Misalnya lagu yang bercorak Jawa, Melayu dan sebagainya. Manakala alatan lain merupakan menambahkan lagi kerancakan dan keenakan bunyi-bunyi alat utama tadi.

Kesemua alat-alat muzik utama ghazal ini, Harmonium, Tabla, Gambus dan Violin perlu di 'tala' (Tuning) terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu persembahan. 'Talan' yang tidak tepat akan melahirkan nada-nada bunyi yang tidak seimbang dan ia akan menyumbang (sumbang) irama dan menjejaskan keharmonian persembahan ghazal. Diakhir-akhir persembahan alat-alat muzik ghazal ini dimatikan dengan serentak.

## **NADA MUZIK**

Ghazal berkembang dikalangan rakyat yang kurang mengetahui notasi muzik seperti yang ujud pada hari ini. Justru itulah lagu-lagu ghazal yang diciptakan tidak mempunyai notasi muzik. Mereka mempelajari seni ghazal menurut cara hindustan. Kalau dalam mempelajari seni muzik barat kita sering ditonjolkan dengan. "Tonic sol-fa" (Do-Re-Mi-fa-soh-la-Ti-Do). Maka dalam mempelajari muzik ghazal kita akan diperkenal dengan "Sarigama"(Sa-Re-Ga-Ma-Pa-Dha-Ni), kependekan dari notasi dalam sistem muzik Hindustan iaitu Shadja, Rishaba, Ghandhara, Madhyama, Panehama, Dhaivata dan Nishada. Menerusi "Saregama" orang-orang Melayu mempelajari muzik ghazal melalui ketajaman pancaindera semata-mata tanpa menggunakan pena dan kertas tanpa mengenali staff ataupun lejer.

## **TAL (TUNE)**

Disamping "Saregama", pengetahuan dan pemahaman mengenai tal juga penting. Mengikut kata-kata ahli muzik Hindustan kalau tiada tal bukanlah lagu tetapi ' autar' (Temberang). Tal adalah penetapan had atau 'harkat-harkat' lagu. Agar panjang pendek had muzik yang dimainkan tidak dilakukan sewenang-wenangnya. Kalau tal tidak dipatuhi muzik yang dimainkan hanya akan menyakitkan telinga sahaja.

Terdapat banyak jenis tal yang dipraktikkan dalam memainkan lagu-lagu ghazal. Diantara ialah Khirwa, Dadra, Cuneil, Holi di Warpat dan Tombri. Sayangnya tal-tal muzik ghazal ini sudah banyak yang telah dilupakan. Cuma Khirwa dan Dadra sahaja lagi masih dipakai pada hari ini. Lantaran itulah setengah ahli ghazal menganggap lagu-lagu Melayu yang ujud pada hari ini sudah kehilangan variasi muziknya.

## **LAGU**

Lagu-lagu ghazal mirip kepada lagu-lagu Hindustan dan Parsi. Baik rentaknya, temponya, liriknya, liang-liuknya semuanya mirip ke arah lagu-lagu tersebut. Cuma senikatanya sahaja di dalam bahasa Melayu. Ghazal tidak menggunakan lirik-lirik lagu sepertimana yang ujud pada hari ini. Senikata lagu-lagu ghazal adalah berbentuk pantun dan kebanyakannya bertemakan pemujaan terhadap keindahan alam, raja, negeri, nasihat dan sebagainya. lagu-lagu yang bertemakan cinta dan kasih sayang tidak banyak yang dicipta pada awal-awalnya.

Kebanyakan lagu-lagu ghazal dicipta dan diberi tajuk dengan sewenang-wenangnya.

Contohnya lagu Pak Ngah Balik, Bahrom Pengail (Nasib Pengail), Sri Hati, Puteri Ledang dan sebagainya. Pada suatu ketika setelah lama bermain, Pak Lomak dan rakan-rakannya berihat sebentar sambil menghilangkan lelah.

Ketika berihat Pak Lomak menekan-nekan mata Harmonium. Akhirnya tercipta sebuah lagu. Mereka tidak tahu apakah tajuk yang sesuai dengan lagu yang baru diciptakan itu. Kebetulan ketika itu kelihatan Pak Ngah baru pulang daripada memancing ikan, lalu lagu itu dinamakan Pak Ngah Balik.

Lagu Bahrom Pengail pun sama, membayangkan kehampaan Encik Bahrom setelah berpenat lelah memancing ikan tanpa mendapat sebarang hasil. Dicipta oleh Encik Bahrom ketika pulang daripada memancing. Senikatanya berbunyi ;


Orang mengail ditengah lautan  
Hutan seberang nampaknya dekat  
Kail dicampak ikan tak makan  
Penat berkayuh ikan tak dapat

## PERSEMBAHAN

Di Johor, ghazal adalah merupakan persembahan utama pada hari-hari keramaian tertentu atau dalam mana-mana majlis kenduri nikah kahwin. ahli-ahli ghazal diberikan keraian yang istimewa, tempat duduk mereka dialas dengan permaidani sebagai tanda penghormatan. Kalau di majlis-majlis nikah khawin pula ghazal dimainkan di hadapan Pelamin.

Pada kebiasaannya ghazal bermain selepas waktu Isya'. Panjang pendeknya masa bermain itu adalah terpulang kepada kehendak Tuan rumah atau para pemain ghazal sendiri. Walau bagaimanapun permainan ini selalunya berakhir hingga ke waktu Subuh. Kerancangan dan kemerduan suara penyanyi mengasyikkan para tetamu sehingga tidak menyedarkan mereka bahawa waktu kian beransur pagi.

Semua pemian ghazal duduk dalam satu lingkungan bulatan kecil. Harmonium berdepan dengan violin dan gambus bertentang dengan tabla. Sementara Penyanyi pula berada di antara mana-mana pemain muzik tadi. Begitulah kedudukan pemain ghazal pada mula diperkenalkan dan diperkembangkan dahulu. Kedudukan ini perlu dibuat sedemikian rupa dalam menimbulkan suatu permainan yang benar-benar baik dan berkesan.



### Kedudukan Pemain Ghazal Dahulu

Setiap pemuzik harus mendengari bunyian daripada alat-alat muzik lain agar tingkah bunyi yang dibuat tidak menjadi kacau. Oleh itu pemain-pemain inti perlu duduk saling berdekatan.

Tiap-tiap alat dibunyikan dengan jelas pada awal permainan. Kedengaran bunyi yang mengasyikkan kepada para pendengar. Pemuzik akan mengacah dan mengagah pemain muzik yang berada di hadapan mereka dengan berpandukan Harmonium.

Pemuzik yang handal dapat menerbitkan irama yang seolah-olah manusia sedang berkata-kata hasil pertelagahan nada bunyi Harmonium dan violin. Jika diteliti dengan lebih mendalam panduan keseluruhan irama ghazal adalah laksana bunyi orang yang sedang bertahlil. Sebab itu setengah-setengah ahli ghazal boleh berzikir di dalam hati sambil bermain alat muzik. Zahirnya mereka bermain, batinnya mereka berzikir. (Keterangan yang diberikan oleh Encik Hassan baki seorang tokoh ghazal Johor).

Kedudukan pemain-pemain ghazal ini akhirnya berubah kepada bentuk yang ada pada hari ini dimana beberapa alat tambahan dimasukkan. Pemain-pemain ghazal duduk dalam satu lingkungan Bulan Sabit dan Penyanyi berada di hadapan Pemain Muzik.

Penuntun XXXXXXXX

Penyanyi  
X

Violin  
X

Tabla  
X

Gambus  
X

Gitar  
X

Harmonium  
X

Marakas/Tamborin/  
Mandolin  
X

Kedudukan Pemain Ghazal Sekarang

## **MENYANYIKAN LAGU-LAGU GHAZAL**

Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diberikan perhatian dalam menyanyikan lagu-lagu ghazal.

1. Masuk Lagu
2. Mengalunkan Lagu
3. Mematah Lagu
4. Merentik / Merenek Lagu
5. Mematikan Lagu
6. Tal / 'Time' Lagu
7. Senikata Lagu
8. Suara

## **MASUK LAGU**

Masuk lagu hendaklah dilakukan dengan betul-pada tempatnya. Harmonium memainkan peranan penting di dalam hal ini. Masuk lagu yang tidak kena pada tempatnya akan mencatitkan bunyi irama lagu ghazal yang sedang didendangkan. Namun hal ini tidaklah

begitu rumit seandainya seseorang penyanyi itu sering mendengar dan menyanyikan lagu-lagu ghazal.

### **MENGALUNKAN LAGU**

Alunan lagu juga perlu dijaga di dalam menyanyikan lagu-lagu ghazal. Tidak semua senikata yang didendangkan boleh dialunkan sesuka hati. Alunan lagu perlu diseimbangkan dengan liang-liuk muzik yang dimainkan. Pengalaman adalah suatu hal yang penting dalam membuat alunan lagu ghazal yang baik.

### **MEMATAH LAGU**

Mematahkan lagu memang sukar dilakukan. Terdapat beberapa jenis patah lagu yang perlu diketahui oleh seseorang penyanyi sekiranya ia mahu menjadi seorang penyanyi lagu ghazal yang baik. Di antara patah-patah lagu tersebut ialah patah Melayu, Patah Arab, Patah Hindustan, Patah Parsi dan patah Masri. Patah-patah lagu ini juga dilakukan menurut dan mengikut liang-liuk muzik yang dimainkan.

### **MERINTIK / MERENEK LAGU**

Renek-renek lagu ghazal hendaklah dilakukan dengan sederhana menurut cara Hindustan dan Parsi. Renek yang berlebihan akan menyebabkan ghazal menjadi renek Mak yong dan kalau berkurangan pula menjadi renek lagu-lagu moden. Renek-renek lagu ini adalah merupakan bunga atau penyedap lagu.

### **MEMATIKAN LAGU**

Panjang pendek setiap senikata yang dilagukan mestilah seimbang dengan muzik yang mengiringinya. Penyanyi yang bijak mematikan hujung lagu agak lambat sedikit dan lemah lembut. Ini diikuti dengan sedikit bunyi-bunyian selepasnya.

### **TAL / 'TIME' LAGU**

Setiap lagu ghazal mempunyai tal nya tersendiri. Tal/'time' (tempo) bukan sahaja penting di dalam muzik ghazal tetapi juga di dalam nyanyiannya. Jika merdu pun suara penyanyi yang menyampaikan lagu ghazal tetapi sekiranya tidak mematuhi tal/tempoh pastinya nyanyian ghazal i tu akan cacat juga kedengarannya.

### **SENIKATA LAGU**

Senikata lagu mestilah terang dan jelas didengar. Dipadan dan dipadukan dengan muzik pengiringnya. Pengucapan patah-patah katanya tidak semestinya menurut bentuk pantun ;

Pasir gudang pasirnya luas  
tempat orang berlari-lari  
sekali terpandang rasa tak puas  
hilang di mata payah dicari

Apabila pantun ini didendangkan dengan iringan muzik ghazal ia menjadi begini bunyinya ;

Pasir Gudang  
Pasir Gudang pasir nya luas 2X  
tempatlah nya - tempatlah orang  
ahai Pasir Gudang 2X

tempatlah nya orang berlari lah lari  
sekali - sekali terpan dang  
sekali terpan dang rasanya tak puas  
hilanglah nya - hilanglah dimata  
ahai Pasirlah yang Gudang  
Hilang lah dimata payah dicari

Ternyata beberapa tambahan seperti "nya", "lah" diselitkan untuk menambahkan lagi keenakan lagu tersebut.

## **SUARA**

Suara manusia ada bermacam-macam jenis. Ada yang halus, kasar, garau, nyaring dan sebagainya. Latihan yang banyak membolehkan seseorang itu membuat berbagai ragam suara. Di dalam menyampaikan lagu ghazal suara yang dilakukan mestilah sama tinggi atau rendahnya dengan muzik yang dimainkan.

## **PERTANDINGAN GHAZAL**

Di dalam usaha-usaha untuk meningkatkan permainan dan persembahan ghazal, Pertandingan ghazal kerap diadakan diperingkat-peringkat tertentu (Peringkat Kawasan, Mukim, Daerah, Negeri dan pada masa sekarang keperingkat Kebangsaan seperti di Pertandingan Dendang Rakyat). Untuk menilai permainan dan persembahan yang baik dan sebaliknya faktor-faktor berikut selalunya diberikan perhatian yang utama oleh Para Panel/Hakim pertandingan ;

- Bunyian-bunyian
- Suara (termasuk mengalun lagu, Patah lagu, rentak lagu dan mematikan lagu).
- Pantun yang digunakan
- Ketertiban Permainan & Persembahan

Kumpulan-kumpulan yang berjaya selalunya berhati-hati dengan faktor-faktor tersebut di dalam menjalankan latihan dan persembahannya. Peralatan-peralatan muzik ghazal ini juga perlu ditala (tuning) dengan baik supaya tidak sumbang bunyinya. Dan suara penyanyi juga diambil kira di dalam kesesuaian dan keseimbangan di dalam iringan muzik ghazal tersebut.

## **PENUTUP**

Ghazal sebagai salah satu rentak dalam lagu-lagu Melayu memaparkan unsur-unsur perpaduan yang nyata dalam konteks negara Malaysia hari ini. Salah satu prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menetapkan bahawa unsur-unsur Kebudayaan asing yang sesuai dan wajar boleh di terima menjadi unsur Kebudayaan kebangsaan dapat dikaitkan dengan Kesenian seperti Ghazal.

Ditinjau daripada sudut persejarahannya, ghazal bukanlah permainan asli tempatan. Ia dibawa masuk daripada Riau Lingga yang mengambilnya pula daripada Hindustan. Lagu-lagu ghazal mirip kepada lagu-lagu Hindustan dan Parsi, tetapi akhirnya telah disesuaikan dengan selera tempatan sehinggakan mempunyai corak dan bentuk yang berbeda sekali daripada asalnya.

Peralatan muzik ghazal pun tidak berasal daripada sebuah negeri. Harmonium dan tabla umpamanya adalah peralatan muzik India. Gambus daripada Arab dan Violin pula daripada negara Barat. Bila alat-alat ini bertambah negeri-negeri yang memberikan sumbangan juga turut bertambah. Mandolin misalnya berasal daripada Cina dan Gitar pula daripada Barat.

Kini ghazal semakin berkembang di Johor dan merata tempat lain di Malaysia. Negeri-Negeri

lain seperti Selangor dan Pahang yang pada suatu masa dahulu tidak pernah kedengaran mempunyai kumpulan ghazal kini telah mempunyainya. Lagu-lagu ghazal mendapat tempat dicorong-corong radio pada ketika-ketika tertentu.

Lagu-lagu ghazal mendapat pasaran yang agak baik juga dikalangan rakyat. Semoga ghazal tidak hanya berkembang dikalangan orang-orang Melayu sahaja malah dikalangan keturunan kaum lain di Malaysia juga.